

Minda Pembaca

Disiplin diri tinggi jayakan normal baharu

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan bersamaan dengan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Ketika ini negara memasuki fasa ketiga dikenali dikenali Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

PKP secara umumnya mengadung enam larangan seperti dijelaskan laman web Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk mengawal jangkitan.

Hasil pelaksanaan PKP, rakyat mula mengubah suai gaya kehidupan sehari-hari dan pekerjaan masing-masing berdasarkan normal baharu mengikut keperluan dan situasi mereka.

Dalam kebarangkalian penghalaian vaksin COVID-19 dijangka dapat disiapkan pada tahun ini atau awal tahun depan, maka kita masih perlu mengamalkan langkah berjaga-jaga yang diajukan sekurang-kurangnya suatu tempoh yang agak panjang.

Motifnya supaya penularan COVID-19 tidak meningkat semula memandang wabak ini bersifat global dalam kedailan vaksin belum ditemui.

Antara normal baharu dan lama yang sering diperkatakan, pasti mengubah suai gaya kehidupan sehari-hari sebagai satu tanggungjawab sosial, termasuk prosedur pekerjaan di tempat kerja mengikut kreativiti, keperluan dan muafakat sesama komuniti dan rakan sekerja.

Sama-sama kita berdisiplin amalkan penjarakan sosial, bersihkan diri, elak berada di tempat orang ramai, duduk di rumah jika tidak sihat.

Pihak manajikan pula perlu lebih terbuka melaksanakan jadual kerja anjal. Dalam situasi sekaran, majikan boleh mempertimbangkan pilihan sistem kerja gantian selepas wabak pulih bagi mengelak pilihah membuang pekerja yang menyumbang jasa dan tenaga sebelum COVID-19.

Sama-sama kita berjuang menghadapi penularan wabak berbahaya ini sebagai pejuang ‘barisan hadapan’ untuk agama, bangsa, negara dan dunia global.

Antara normal baharu dan norma lama, kita perlu kepada disiplin diri tinggi sebagai satu tanggungjawab sosial bagi membendung penularan wabak ini.

Prof Madya Dr Muhammod

Sabri Sahir,
Kulliyah Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Akta lapuk sukarkan usaha jaga alam sekitar

Dalam titah diraja sempena pembukaan penggal ketiga Parlimen ke-14, Yang di-Pertuan Agong menyentuh pelbagai hal membabitkan kepentingan rakyat, termasuk isu alam sekitar:

Antara perkara dititah adalah kesan kemerosotan kualiti alam, keperluan menggiatkan usaha pemuliharaan, pengurangan intensiti pelepasan karbon, pemerlukan undang-undang dan perngutakuan serta kepentingan kerjasama.

Keprihatinan tinggi Al-Sultan Abdullah Ri'ayattuddin Al-Mustafa Billah Shah terhadap alam sekitar seharusnya membuka mata semua pihak mengenai kewajipan melindungi persekitaran dan sumber semula jadi melalui komitmen berterusan.

Dalam situasi sekarang, ancaman kerrosakan alam sekitar dan perubahan iklim banyak menyedarkan kita mengenai keutamaan melindungi alam dan keperluan memerangi kemudaratannya.

Namun, mustahak bagi kese-

daran itu diterjemah kepada perlaksanaan. Impian ke arah kesajahteraan alam sekitar tidak dapat dicapai jika tidak digerakkan dengan tindakan efektif berdasarkan sistem menyeluruh.

Permasalahan alam sekitar di Malaysia adalah kompleks kerana merangkumi hampir semua medium termasuk udara, air, marin flora dan fauna serta membabitkan pelbagai aktiviti manusia seperti perindustrian, pengangkutan, pertanian, pembakaran bahan api fosil dan pembumian sumpah.

Jalan penyelesaian mesti dibentuk melalui rangka kerja komprehensif yang merangkumi dasar, perundangan dan pengawalaan. Buat masa ini Malaysia sudah mempunyai undang-undang relevan seperti Akta Kualiti Alam Sekeling, Akta Perhutanan Negara, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar dan Akta Tenaga Boleh Baharu.

Namun, ada antara akta ini sudah lapuk dan perlu dikaji agar

lebih perkasa dan bersesuaian dengan situasi terkini. Contohnya, jumlah penalti dikenakan Akta Kualiti Alam Sekeling kepada sesiapa mencemari sungai atau udara, iaitu tidak melebihi RM100,000 dianggap terlalu rendah bagi mengekang pencemaran.

Amat perlu akta ini disemak supaya hukuman lebih berat dikenakan terhadap pihak terbabit. Peruntukan dalam Akta Pemuliharaan Hidupan Liar pula tidak merangkumi perbuatan mengiklan atau menjual beli haiwan eksotik dalam talian yang sangat berleluasa sekarang. Ini menyebabkan haluan terlindung dieksplorasi sewenang-wenangnya.

Akta Tenaga Boleh Baharu yang memangkin teknologi hijau pula perlu ditambah baik agar selaras komitmen kita terhadap perubahan iklim.

Selain undang-undang tegas, pengawalaan berkesan berkesan juga penting. Oleh itu, faktor yang boleh memberi impak kepada keberkesaan pelaksanaan seperti

keupayaan institusi dan tenaga kerja, keperluan koordinasi, serta kecukupan aset dan peralatan perlu dipertimbangkan.

Walauapun tanggungjawab perngutakuan diliatkan di bawah pelbagai agensi, keberkesaan undang-undang sangat bergantung kepada sokongan masyarakat. Orang awam asset terbaik dalam menegakkan peraturan kerana mereka mempunyai pengetahuan mendalam mengenai keadaan alam sekitar di kawasan masing-masing dan dapat menjadi sumber maklumat terpenting dalam pemantauan pematuhan undang-undang.

Seharusnya titah Yang di-Pertuan Agong perlu dipandang serius dan dilaksana semua pihak sebagai bukti komitmen kita terhadap alam sekitar yang lestari.

Prof Madya Dr Maizatun Mustafa,
Pensyarah UHDANG-UNDANG
Alam Sekitar Universiti Islam
Antarabangsa Malaysia

Usah ganggu ‘perang’ lawan COVID-19

Ketika perang menentang COVID-19 masih berterusan, muncul kembali tema ‘usu percaya’ dan ‘usu tidak percaya’ menjelang persidangan Dewan Rakyat pada 18 Mei ini.

Satu usul dikemukakan Ahli Parlimen Semporna, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal yang juga Presiden Parti Warisan Sabah, mendakwa Tun Dr Mahathir Mohamad mempunyai sokongan majoriti Ahli Dewan Rakyat untuk menjadikan Perdana Menteri.

Namun usul itu ditolak Speaker Dewan Rakyat, berikutan perjelasan tidak selari Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan kerana mempertualiki kuasa Yang di-Pertuan Agong dalam urusan jawatan Perdana Menteri.

Kemudian, Ahli Parlimen Langkawi, Tun Dr Mahathir Mohamad pula mengemukakan usul undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin. Usul dikemukakan di bawah Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3) itu diterima Speaker Dewan Rakyat.

Isu usul percaya atau tidak bukan persoalan ketika ini. Persoalanannya adalah tindakan itu wajar dilakukan ketika negara masih dibelenggu krisis lebih besar berbanding siapa yang lebih la-



Semuai Ahli Parlimen perlu bersama keperintahannya negara memerangi wabak COVID-19.

(Foto hiasan)

yak menjadi Perdana Menteri.

Adakah perang melawan COVID-19 yang meragut lebih 100 nyawa di Malaysia dilihat enteng? Terdesak benarkah negara mahukan seorang pemimpin baharu ketika Tan Sri Muhyiddin Yassin dilihat berjaya melaksana tanggungjawabnya dalam memimpin kerajaan mengetuai perang melawan virus matul ini?

Kenapa isu usul percaya atau tidak berkaitan kepemimpinan negara tidak ditangguhkan setiketika sehingga COVID-19 reda.

Ketika jentera kerajaan bergerak lancar di medan perang, kenapa tumpuan mereka malah di ganggu dengan isu politik tidak berkesudahan sejak dua tahun

perubahan kerajaan.

Adakah rakyat peduli siapa pun jadi Perdana Menteri andai ancaman COVID-19 menjadi-jadi semula akibat ketamakan kuasa orang politik yang lebih pentingkan diri sendiri?

Bagaimana pula dengan dasar ekonomi andai kerajaan tidak stabil akibat gangguan yang tidak perlu, sedangkan usaha terbaik perlu digerakkan bagi memulihkan ekonomi yang terjejas akibat COVID-19.

Dalam menghadapi krisis, keputusan penting berkaitan dasar atau apa sahaja yang perlu harus dibuat secepat mungkin, tidak boleh dibebankan kepada pegawai kerajaan atau bertawakal

mengharapkan keajaiban.

Cubaan pihak tertentu mahu menyengkirkan Perdana Menteri melalui usul di Dewan Rakyat adalah tindakan pentingkan diri sendiri.

Apakah dikehendaki tindakan sebegini boleh menyebabkan Parlimen terganggu dan mungkin memaksai pilihan raya umum diadakan lagi walaupun baru dua tahun rakyat mengundi.

Andai itu berlaku, apa jadi kepada rakyat? Buat masa ini, cubalah bermuafakat dan kasihnilah rakyat.

Mohd Hisham Malek,
Kuala Selangor

